

Pelancongan pulih sepenuhnya, atasi tahap sebelum pandemik

Liberalisasi visa, kempen promosi agresif sokong pertumbuhan angka pelancong

Oleh Adibah Hani
bhbiz@bh.com.my

Sektor pelancongan negara kini bukan sahaja disifatkan telah pulih sepenuhnya, malah berjaya mengatasi tahap pencapaian sebelum pandemik, sekali gus memberi isyarat positif kepada pertumbuhan ekonomi.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Yes Travel & Holidays

Sdn Bhd, Angela Mak, berkata data awal tahun ini menunjukkan momentum yang berterusan, mencerminkan ketahanan Malaysia serta keyakinan baharu sebagai destinasi pelancongan pilihan.

Menurut beliau, pertumbuhan angka pelancong itu turut disokong oleh inisiatif kerajaan seperti liberalisasi visa dan kempen promosi yang agresif.

"Angka pelancongan telah bangkit semula malah mengatasi tahap pra-pandemik. Pertumbuhan berterusan ini disokong oleh inisiatif seperti liberalisasi visa dan kempen mempromosikan Malaysia sebagai destinasi utama," katanya dalam satu temu



Angela Mak

bual e-mel baru-baru ini.

Beliau menegaskan bahawa pelancongan memainkan peranan kritikal dalam ekonomi Malaysia kerana ia menyokong jutaan pekerjaan dan memacu pertumbuhan merentas pelbagai sektor seperti peruncitan, makanan dan minuman (F&B), pengangkutan,

penginapan serta Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE).

Cabaran kekal kompetitif

Walaupun Malaysia mempunyai kelebihan dari segi lokasi strategik di Asia Tenggara dan kemudahan tempat acara yang cemerlang, Angela mengakui ne-

gara berdepan cabaran besar untuk kekal kompetitif sebagai hab MICE serantau.

Beliau menjelaskan bahawa rantau ini sangat kompetitif, dengan negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Hong Kong sudah mempunyai kedudukan yang sangat kukuh dalam segmen MICE.

"Konsistensi perkhidmatan juga boleh berbeza-beza, terutama dalam kalangan penyedia yang lebih kecil dan faktor luaran seperti peralihan ekonomi global boleh memberi kesan kepada perancangan acara," katanya.

Bagi menangani cabaran itu, Angela menyarankan agar pemain industri memberi fokus kepada kecemerlangan perkhidmatan, fleksibiliti, dan inovasi bagi memastikan setiap acara berjalan lancar.

Menurutnya, pemulihan sektor pelancongan turut memberi impak langsung kepada segmen korporat di mana syarikat kini lebih yakin untuk merancang perjalanan insentif dan acara berskala besar.

Mengulas lanjut mengenai evolusi segmen itu, Angela berkata MICE adalah unik dan menuntut kerana ia melangkaui sekadar pengaturan perjalanan biasa.

"Anda bukan sekadar menganjurkan perjalanan; anda mencipta pengalaman yang mencerminkan jenama dan tujuan syarikat itu," jelasnya.

Beliau berkata, setiap program melibatkan pengurusan manusia, garis masa, bajet dan objektif yang mesti digabungkan dengan lancar, menjadikan segmen berkenaan jauh lebih rumit berbanding pelancongan santai.